

## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(*National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia*)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: http://www.nutp.org

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**  
**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**  
**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

## KENYATAAN AKHBAR

**Kepada** : **Ketua Pengarang**  
**Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada** : **Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**  
**Setiausaha Agung**  
**NUTP**

**Telefon Bimbit** : **0126358065**


**Tarikh** : **3 Jun 2018**

### **HALA TUJU TVET MASA KINI**

Terlebih dahulu, saya memohon maaf kenyataan akhbar saya melalui aplikasi WhatsApp kerana hari ini adalah hari Ahad dan pejabat tutup.

Merujuk kepada kenyataan akhbar Menteri Sumber Manusia, YB M. Kulasegaran menyatakan sepatutnya tiada saingan setiap agensi dalam menyediakan pendidikan kemahiran kerana ia merupakan satu keluarga dan ini boleh mengelakkan berlaku atau menjuruskan kepada pembaziran. Sepatutnya semua bersaing dengan usahawan swasta serta usahawan Negara maju yang lain agar menjadi yang terbaik didunia.

Kenyataan YB M. Kulasegaran memandang serius terhadap pertindihan fungsi atau tugas jabatan mahu pun agensi sedia ada amatlah dihargai dan mohon dibuat penambahbaikan agar pendidikan TVET Malaysia seangkatan dengan Negara maju yang lain.



## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: http://www.nutp.org

**i** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-2-


Dalam memperkasakan dan menjenamakan semula Sistem Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) merupakan suatu pendekatan yang amat wajar dan signifikan. Ini kerana Malaysia tidak perlu bergantung harap kepada pekerja asing dalam memajukan Negara. Dalam mencapai impian menjadi Negara berpendapatan tinggi serta mempunyai acuan tersendiri, Negara memerlukan tenaga kerja tempatan yang berdaya saing dan berkualiti tinggi.

Namun, kini hala tuju TVET masih lagi terumbang ambing dan tidak jelas disebabkan tiada perancangan rapi dalam menentukan TVET Malaysia (Dasar Negara). Sebelum ini semua sedia maklum sebelum 9 Mei 2018 iaitu sebelum pembentukan kerajaan baharu bermula, TVET diuruskan oleh 7 kementerian tetapi sijil keluaran 7 kementerian tersebut ada yang tidak diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedangkan itu adalah dibawah agensi kerajaan ketika itu.

Dasar yang ada dalam TVET juga tidak konsisten kerana sentiasa berubah-ubah, tiada koordinasi yang tepat serta kurang pembiayaan atau lebih tepat tiada bajet yang mencukupi disebabkan tiada perancangan rapi. Contohnya automatik yang ditawarkan masih mengajar kaburetor sedangkan enjin kini ea rah hybrid. Ini adalah sebahagian perancangan yang tidak dijalankan dengan betul mengenai pelan modal insan terutamanya Latihan Kemahiran yang mana ini merupakan cara/kaedah atau trend masa hadapan permintaan/ bekalan kemahiran. Pengajaran banyak kepada arahan program.

Dalam konteks ini inisiatif untuk melatih murid/pelajar adalah mahir dalam pelbagai bidang teknikal dan vokasional dan ini adalah sangat mustahak. Ini kerana mereka bakal memacu dan meneruskan kegemilangan Negara pada masa hadapan. Saat ini lah kita perlukan perancangan yang rapi supaya mengurangkan pergantungan Negara terhadap sumber tenaga kerja asing digunakan.

.../3



## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(*National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia*)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: http://www.nutp.org

**f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq**

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**


**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-3-

Ahli-ahli NUTP yang berada di Kolej Vokasional, Kolej Komuniti, Politeknik turut terkena tempias. NUTP dihujani dengan pelbagai aduan, pandangan serta cadangan. Oleh itu, NUTP merayu kepada Kerajaan untuk melihat kembali agar hala tuju TVET dapat direalisasikan berdasarkan 5 lonjakan yang dibuat. NUTP juga sedang merangka strategi untuk memberi input kepada Kerajaan agar dasar dan hala tuju TVET lebih jelas dan konsisten. 5 lonjakan tersebut adalah seperti berikut:

- LONJAKAN PERTAMA: kerajaan akan melatih serta meningkatkan tenaga mahir tempatan secara berterusan daripada 28 peratus ketika ini kepada 35 peratus menjelang 2020 agar mereka menjadi kompetitif, berpeluang memiliki pekerjaan dan memperoleh pendapatan yang lumayan.
- LONJAKAN KEDUA: kerajaan merancang untuk melatih sehingga 300,000 rakyat Malaysia daripada golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40) mulai sekarang hingga 2025 di bawah sistem TVET
- LONJAKAN KETIGA: kerajaan memberi fokus melahirkan lulusan TVET dalam bidang perniagaan dan teknousahawan agar mereka bukan sahaja mampu mewujudkan peluang pekerjaan tetapi menjadi ikon kepada tenaga kerja tempatan selain berkebolehan bersaing di pentas antarabangsa.
- LONJAKAN KEEMPAT: Melaksanakan program geran padanan yang mana kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta dalam Bajet 2017, di mana peruntukan kewangan diberikan pada nilai yang setara dengan nilai sumbangan diterima daripada pihak industri melibatkan program TVET berimpak tinggi.
- LONJAKAN KELIMA: Menjenamakan institusi TVET melalui TVET Malaysia yang mana menyaksikan kesemua institusi TVET di bawah pelbagai kementerian akan bersatu dan bergabung tenaga sebagai kerjasama unggul lagi bersepada bagi melatih anak-anak muda untuk menjadi tenaga kerja teknikal yang berkemahiran tinggi



## KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA

(*National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia*)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

**f** : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nulphq

**Presiden**

**Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak**

**Setiausaha Agung**

**Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK**

-4-

Dalam pada itu, kekurangan tenaga pengajar dalam bidang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) juga boleh menyebabkan kegagalan dalam meneruskan hala tuju TVET ini. Bagi sekolah-sekolah harian yang menjalankan proram SKM juga gagal ditaliahkan dan murid/pelajar akan berdepan dengan masalah sijil tersebut. Pengajar SKM perlu mengikuti SKM tahap 1 hingga tahap 5. Tanpa sijil ini mereka tidak dapat meneruskan pengajaran mereka di bidang SKM. Ini adalah syarat yang telah ditetapkan. Akhirnya anak didik kita yang menjadi mangsa kerana tiada pengajar dalam bidang SKM ini. Dalam pada itu, untuk memiliki sijil SKM melibatkan dana/peruntukan yang besar.

**NUTP**

**(HARRY TAN HUAT HOCK,PJK)**

**SETIAUSAHA AGUNG**

**NUTP**

